

D390

U B381 DEB  
MAHATHIR - BAHASA 1984  
KUALA TERENGGANU, 13 NOV. CBERNAMA: ' -- DATUK SERI DR. MAHATHIR  
MOHAMAD MAHU SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DENGAN PERSEKOLAHAN DINEGARA  
INI MENUNJUKKAN KESUNGGUHAN DALAM PENGGUNAAN DAN PENGUASAAN BAHASA  
MALAYSIA.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHASA MALAYSIA TELAH TERBUKTI BUKAN  
SAHAJA MAMPU MENJADI ALAT PERPADUAN TAPI JUGA SEBAGAI BAHASA  
PENTADBIRAN, PERDAGANGAN, PENDIDIKAN DAN BIDANG-BIDANG LAIN.

SESUAI DENGAN KEDUDUKAN ITU BAHASA MALAYSIA, YANG KINI MERUPAKAN  
BAHASA YANG BERPENGARUH DI RANTAU INI, DIPERLUASKAN PULA  
PENGGUNAANNYA KE BIDANG-BIDANG TEKNIKAL, UNDANG-UNDANG DAN  
PERDAGANGAN TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN  
PERTANDINGAN SYARAHAN DALAM BAHASA MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN  
BAGI MURID-MURID SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN DISINI MALAM INI.

BELIAU MENARIK PERHATIAN ORANG RAMAI TENTANG MENINGKATNYA  
BILANGAN PENDUDUK NEGARA YANG FASIH MENGGUNAKAN BAHASA MALAYSIA?  
BAHKAN HAMPİR KESELURUHAN ANAK-ANAK MUDA DARIPADA SEMUA KAUM KINI  
BOLEH MENGGUNAKAN BAHASA MALAYSIA DENGAN CEKAP.

DR. MAHATHIR BERKATA SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN ADALAH  
SEBAHAGIAN DARIPADA SISTEM PELAJARAN MALAYSIA DAN KEWUJUDANNYA  
MEMBUKTIKAN NEGARA INI MENERIMA HAKIKAT PENDUDUKNYA ADALAH BERBILANG  
KAUM DAN BAHASA-BAHASA IBUNDA MASING-MASING DIBERI TEMPAT.

+ NAMUN DEMIKIAN KEDUDUKAN BAHASA KEBANGSAAN ADALAH ISTIMEWA DAN  
SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN JUGA PERLU MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA  
BAHASA KEBANGSAAN, + KATA BELIAU.

KATANYA, PENERIMAAN BAHASA KEBANGSAAN SEBAGAI BAHASA UNTUK  
PERPADUAN HENDAKLAH BUKAN SETAKAT PENGAKUAN SAHAJA TETAPI PERLU  
DIBUKTIKAN DENGAN MENGUASAI BAHASA ITU SECARA BERSUNGGUH-SUNGGUH.

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT HARUS BERSYUKUR KERANA KEAMANAN  
DAN KEMAKMURAN YANG WUJUD TELAH MEMBOLEHKAN PEMBANGUNAN BERJALAN  
PESAT DAN RAKYAT DAPAT MENGECAPI NIKMAT DARIPADANYA.

BELIAU MENINGGATKAN OLEH ITU ADALAH PENTING BAGI SELURUH RAKYAT  
MENENTUKAN KEADAAN INI SENTIASA DIPELIHARA KERANA TANGGUNGJAWAB  
MENJAMIN KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA ADALAH TANGGUNGJAWAB  
BERSAMA

PERDANA MENTERI MAHU KESEDARAN TERHADAP PERKARA ITU DISEMAI DI  
KALANGAN MUDA MUDI KHUSUSNYA MEREKA YANG DILAHIRKAN SELEPAS MERDEKA.

MEREKA MESTI DIBERITAHU MENGENAI LATAR BELAKANG SERTA PENGORBANAN  
YANG DILAKUKAN DALAM MENCAPAI KEMERDEKAAN SERTA PENGORBANAN YANG  
MASIH PERLU DIBUAT OLEH SEMUA KAUM UNTUK KEBAIKAN BERSAMA, KATANYA.

+ DINEGARA YANG PENDUDUKNYA BERBILANG KAUM, TIDAK SEMUA PERKARA  
YANG DIKEHENDAKI OLEH SESUATU KAUM BOLEH DICAPAI, + TAMBAH BELIAU.

TERDAHULU DARIPADA ITU, TIMBALAN MENTERI PELAJARAN, DATUK PADUKA  
ROSEMARY CHONG MENYERUR RAKYAT SUPAYA JANGAN MUDAH TERPENGARUH DENGAN  
GOLONGAN-GOLONGAN EKSTREMIS YANG CUBA MEMECAH BELAHKAN RAKYAT DAN  
NEGARA DENGAN MEMPERALAT DAN MENGEKSPLOITASIKAN AGAMA DAN  
BAHASA. --BERNAMA.

2200MST 18 11 84